

Najib terima AS\$30 juta daripada Blackstone

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang penganalisis Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, Datuk Seri Najib Tun Razak menerima AS\$30 juta daripada syarikat samaran, Blackstone Asia Real Estate Partners.

Syarikat itu dikatakan dikawal oleh ahli perniagaan dalam bujukan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low melalui rakan sekutunya, Tan Kim Loong atau Eric Tan.

Adam Ariff Mohd. Roslan, 29, berkata, akaun peribadi bekas Perdana Menteri menerima wang berjumlah AS\$5 juta pada 30 Oktober 2012 dan AS\$25 juta lagi dipindahkan pada 19 November tahun yang sama.

Menurut saksi pendakwa



NAJIB Tun Razak diiringi pegawai penjara tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). - UTUSAN/SYAKIR RADIN

ke-47 itu, maklumat berhubung pindahan wang secara berperingkat itu diperoleh hasil laporan jejak wang dalam akaun

peribadi Najib.

Penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM) itu turut berkata, wang melebihi RM60.6 juta

dipindahkan ke dalam akaun peribadi AmIslamic Najib yang berasal daripada terbitan Bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) oleh Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

TIA merupakan nama asal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) iaitu sebuah syarikat pelaburan strategik milik penuh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Diperbadankan (MKD).

Beliau berkata, sumber wang dalam akaun Najib yang diterima pada 23 Februari dan 13 Jun 2011 itu dari akaun Bank Riyadh juga berasal daripada pinjaman bersindiket RM2.5 bilion oleh 1MDB.

Kelmarin, saksi itu yang menganalisis jejak wang dalam akaun Najib memberitahu, akaun bank bekas Perdana Menteri menerima RM60.6 juta daripada Putera Faisal Turki Bandar

Al-Saud, pada 23 Februari dan 13 Jun 2011.

Katanya, nombor akaun bank Putera Faisal adalah sama dengan nombor akaun Bank Riyadh yang menerima dana daripada Good Star Ltd. (iaitu syarikat milik Jho Low).

Katanya, akaun Bank Riyadh itu memindahkan dana ke akaun Najib dalam tempoh satu hingga tiga hari selepas Good Star memindahkan dana ke akaunnya.

Adam Ariff memberikan keterangan terhadap Najib, 70, yang berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB serta 21 pertuduhan perubahan wang haram membatikan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini hakim Mahkamah Rayuan) bersambung hari ini.